

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

Datuk Mas Ermieyati Binti Samsudin minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah halangan yang telah menyebabkan penangguhan pembentangan cadangan dasar kecekapan tenaga dan pelan induk 10 tahun perlaksanaan inisiatif-inisiatif kecekapan tenaga di peringkat nasional seperti yang telah dimaklumkan dalam sesi-sesi Parlimen sejak tahun 2012.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian sedia maklum bahawa perbincangan untuk mewujudkan satu Pelan Induk Kecekapan Tenaga Negara telah bermula sejak 2012 lagi. Dalam hal ini, Kementerian telah pun melantik juruperunding untuk menyediakan Pelan Induk berkenaan di mana setelah proses perbincangan dan libat urus (*engagement*) dengan pelbagai pemegang taruh (*stakeholders*) diadakan, Kementerian memutuskan untuk membangunkan Pelan Tindakan dan bukan Pelan Induk. Pelan Tindakan ini lebih menjurus kepada langkah-langkah pelaksanaan yang diharap dapat membawa hasil dalam tempoh yang pendek.
2. Selaras dengan ini, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah pun mengadakan sesi konsultasi bersama pihak *stakeholders* sebanyak 2 kali pada tahun 2014 iaitu pada 10 September 2014 dan pada 27 November 2014. Semasa sesi konsultasi tersebut, Kementerian bersama-sama pihak *stakeholders* telah bersetuju untuk menyemak semula sasaran di bawah Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara (NEEAP) tersebut bagi ketiga-tiga sektor industri, komersial dan domestik (peralatan/lampu).
3. Susulan daripada kedua-dua sesi konsultasi tersebut, Suruhanjaya Tenaga telah pun mengemas kini sasaran di bawah draf NEEAP. Satu bengkel juga telah diadakan bersama pihak pemegang taruh

pada 22 Januari 2015 bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut mengenai sasaran yang telah dikemas kini. Pada masa ini, sasaran draf NEEAP sedang dikemas kini dengan mengambil kira ulasan dan pandangan pemegang taruh. Seterusnya, draf akhir NEEAP akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) sebelum dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN : 50**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sama ada keluarga mangsa-mangsa MH370 dimaklumkan bahawa tragedi tersebut telah diisyiharkan sebagai satu kemalangan sebelum pengisytiharan rasmi dibuat dan sekiranya tidak, nyatakan alasan-alasannya.**

## **JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak MAS telah menghubungi semua keluarga mangsa-mangsa MH370 melalui panggilan telefon, *short message service (SMS)* dan emel, satu (1) jam sebelum pengumuman pengisytiharan rasmi kemalangan udara pesawat MH370 dibuat.